

Bil. (46) dlm. KKM-82/2/6

5 hb Mac, 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan  
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan  
Sabah/Sarawak.

Semua Pengarah Yayasan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.4/1986

Pendaftaran Penoh Dibawah Akta Perubatan 1971

Saya merujuk kepada Surat Pekeliling KPK Bil.1/1983 bertarikh 28hb Februari, 1983, Bil.4/84 bertarikh 8hb Oktober 1984 dan Bil.1/1985 bertarikh 4hb Januari 1985. Adalah diperhatikan bahawa masih ramai doktor-doktor yang lambat memohon Pendaftaran Penoh dibawah Akta Perubatan 1971. Penguasa-Penguasa Perubatan juga lewat menandatangani Borang 6.

2. Mulai dari tarikh surat ini adalah diputuskan bahawa semua permohonan Pendaftaran Penoh dibawah Akta hendaklah sampai di pejabat ini tidak lewat dari satu bulan selepas seseorang doktor itu tamat latihan doktor siswazah. Bagi permohonan-permohonan yang lewat diterima Pendaftaran Penoh akan diberi pada tarikh permohonan diterima di pejabat ini. Dalam lain perkataan ini bermakna Pendaftaran Penoh tidak akan di kebelakangan bagi permohonan-permohonan yang diterima selepas satu bulan dari tarikh tamat latihan doktor siswazah. Adalah ditegaskan disini bahawa pejabat ini tidak akan bertanggungjawab atas perkara-perkara yang berikut:

- (a) Jika seseorang itu didakwa dibawah undang-undang kerana menjalankan amalan perubatan tanpa Pendaftaran Penoh selepas satu bulan menamatkan latihan doktor siswazah.
- (b) Jika seseorang itu diberi kenaikan gaji tahunan yang pertama tanpa Pendaftaran Penoh.